**KERATAN AKHBAR**

**JUDUL AKHBAR : BERITA HARIAN**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2026**

**MUKA SURAT : 18**

# Ibu tunggal sara 4 anak dipilih Ikon Wanita Tabah

## Nor Aza kematian suami lima tahun lalu cari kotak terpakai demi mencari rezeki

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Seorang ibu yang berjuang membesarkan empat anak dengan mencari kotak terpakai selepas kematian suami akibat kanser buah pinggang lima tahun lalu, dipilih Ikon Wanita Tabah 2026 anjuran Cancer Survivors Malaysia (CSM).

Nor Aza Hamzah, 44, menerima hadiah wang tunai RM1,000 dan cenderahati disampaikan isteri Menteri Besar Kedah, Tok Puan Jusmalailani Jusoh di Dewan Seri Mentaloon, di sini, semalam.

Dua pesakit kanser, Jimat Hassan, 84, dan Norhayati Sahak, 45, turut menerima penghargaan sama, pada majlis yang turut dihadiri Pengerusi CSM, Zuraini Kamal.



*Nor Aza mencari kotak terpakai untuk membesarkan empat anak selepas kematian suami.*

Sejak kehilangan suaminya, Mohd Asri Zakaria, Nor Aza mencari sumber pendapatan dengan mencari kotak, menjual minyak masak terpakai dan menyiang ikan keli di pasar demi membesarkan anak-anaknya, Aqil Amjad, 13, Aina Aqila, 12, Alim Ajwad, 8, dan Aimy Mariam, 6.

### Anggap rezeki anak

Ibu cekal itu yang menetap di Kepala Batas, Jitra, nyata terkejut sebaik diumum penerima Ikon Wanita Tabah CSM kerana tidak menyangka terpilih dan menyifatkan kejayaan itu rezeki anak-anak.

Nor Aza bersyukur apabila diterima bekerja di Rumah Komuniti Kanser (RKK) CSM dan memperoleh pendapatan bulanan bermula bulan ini dan tidak perlu mencari kotak lagi.

Sementara itu, Zuraini berkata, selepas hampir 10 tahun menyantuni pesakit kanser terutama golongan kurang berkemampuan, CSM semalam meraikan program Wanita Tabah CSM 2026 CSM.

Katanya, seramai 400 orang hadir termasuk pesakit kanser, penjaga serta pemberi sumbangan termasuk panel yang dijemput untuk memberi penerangan berkaitan pelbagai penyakit kanser.